

Kelebihan teknologi robot UPM

SERDANG – Ahli Kelab Robotik Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi mengharumkan universiti apabila ciptaan robot mereka merangkul anugerah naib johan pertama kategori Robot Bolawarna di Pertandingan Robot Antarabangsa Malaysia (MIROc) diadakan baru-baru ini.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dr Azura Che Soh, seorang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan yang juga penasihat kepada kumpulan itu berkata, apa yang penting adalah penggunaan teknologi yang dapat dilihat apabila robot-robot dengan 'senapang' melepaskan bola warna seperti peluru.

Menurutnya, kumpulan terdiri daripada penuntut fakulti berbeza yang bergabung ini juga memenangi Anugerah Persembahan Terbaik dalam kategori Robot Pemadam Kebakaran.

"Mereka berjaya menewaskan lebih daripada 50 pasukan lain untuk muncul

sebagai juara keseluruhan pada edisi ke-7 pertandingan kebangsaan tahunan robotik Februari lalu.

"Ketika itu robot mereka boleh diprogram untuk menjalankan tugas atau kerja penyelenggaraan di kawasan berisiko tinggi seperti tumpahan berbahaya dan kimia radioaktif," katanya.

Ada tiga kategori dalam pertandingan itu iaitu robot bola warna, robot pemadam kebakaran dan robot memanjat dengan tali.

MIROc ini merupakan pertama kali dianjurkan pihak kementerian dan ingin menjadikannya satu acara di peringkat antarabangsa. Sebelum ini MIROc dikenali sebagai MURoC atau Pertandingan Robotik Universiti Malaysia.

Dr Azura berkata, ketika ini, penuntut sedang sibuk membuat persiapan untuk Robotcon atau peraduan robotik kebangsaan anjuran KPT pada penghujung bulan ini untuk memilih pasukan terbaik bagi mewakili negara di satu pertandingan antarabangsa di Vietnam lewat tahun ini.

